

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO 'HJ IBRAHIM HJ ABDULLAH
NAIB PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS IFTAR RAMADAN 1447H
ANJURAN JKAN KEDAH DENGAN KERJASAMA KOPERASI
KARIAH MASJID AMBANGAN HEIGHTS KEDAH BERHAD**

**12 MAC 2026 (KHAMIS) | 6.00 PETANG
MASJID AL IMAM AL-NAWAWI, SUNGAI PETANI, KEDAH**

Bismillahirrahmanirrahim.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Malaysia Madani dan Salam Koperasi.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang yang penuh keberkatan ini dalam **Majlis Iftar Ramadan 1447H** anjuran Jawatankuasa ANGKASA Negeri Kedah Dengan Kerjasama Koperasi Kariah Masjid Ambangan Heights Kedah Berhad
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur serta semua pihak yang telah bertungkus lumus menjayakan program yang penuh makna ini. Sesungguhnya usaha seperti ini mencerminkan semangat kebersamaan,

keprihatinan dan nilai-nilai murni yang sangat dituntut dalam Islam.

Hadirin dan hadirat yang saya kasihi

3. Bulan Ramadan adalah bulan yang amat istimewa bagi umat Islam. Ia bukan sahaja bulan untuk kita menahan lapar dan dahaga, tetapi juga bulan untuk kita memperbanyakkan amal ibadah, mengeratkan silaturahim serta meningkatkan rasa empati terhadap mereka yang kurang bernasib baik.
4. Untuk itu, atas dasar prihatin kepada mereka yang memerlukan, sebanyak 50 sumbangan dibuat pada hari ini oleh ANGKASA dan juga Koperasi Kariah Masjid Ambangan Heights Kedah Berhad diagihkan pada hari ini. Semoga sumbangan ini dapat meringankan beban dan memberi keceriaan kepada penerima khususnya menjelang Aidilfitri tidak lama lagi.
5. Koperasi Kariah Masjid memainkan peranan yang amat strategik dalam memperkasa ekonomi umat di peringkat akar umbi. Penubuhan koperasi di institusi masjid bukan sahaja memberi peluang kepada ahli kariah menjana pendapatan secara bersama, malah mewujudkan ekosistem ekonomi yang berteraskan nilai Islam seperti keadilan, amanah dan keberkatan dalam muamalat.

6. Melalui koperasi kariah masjid, pelbagai aktiviti ekonomi boleh dilaksanakan seperti perniagaan runcit, perkhidmatan katering, pengurusan kebajikan, kelas pendidikan serta penyediaan perkhidmatan yang memenuhi keperluan komuniti setempat. Secara tidak langsung, ia membuka ruang kepada anak-anak kariah, golongan belia dan suri rumah untuk turut serta dalam aktiviti ekonomi yang tersusun dan berdaya maju.

7. Sehingga Jun 2025, mengikut perangkaan dikeluarkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, terdapat 588 koperasi kariah masjid di seluruh negara, dengan keanggotaan seramai 48,578 individu, syer/yuran sebanyak RM16.67 juta, aset sebanyak RM41.78 juta dan perolehan sebanyak RM17.47 juta

8. Saya melihat Koperasi Kariah Masjid Ambangan Heights Kedah Berhad sebagai contoh yang baik dalam menggerakkan peranan ini. Apabila masjid dan koperasi berganding bahu, kita bukan sahaja memakmurkan rumah Allah dari sudut rohani, tetapi juga menghidupkan fungsi masjid sebagai pusat pembangunan sosial dan ekonomi umat sebagaimana yang ditunjukkan pada zaman Rasulullah SAW.

9. Saya berharap agar lebih banyak masjid di Kedah dan seluruh negara mencontohi inisiatif ini dengan menubuhkan dan mengaktifkan koperasi kariah masing-masing. ANGKASA sentiasa bersedia untuk memberi bimbingan, latihan dan sokongan agar koperasi masjid terus berkembang dan memberi manfaat berpanjangan kepada komuniti.

Hadirin dan hadirat yang saya kasihi

10. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengajak semua pihak agar terus menjadikan Ramadan sebagai medan untuk memperbaiki diri, memperkukuh perpaduan serta memperbanyakkan amalan yang membawa keberkatan dalam kehidupan kita.
11. Semoga segala usaha, sumbangan dan keikhlasan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini mendapat ganjaran yang besar daripada Allah SWT.
12. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang hadir dan menjayakan majlis pada hari ini. Mudah-mudahan majlis ini membawa keberkatan kepada kita semua.

13. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Iftar Ramadan 1447H anjuran Jawatankuasa ANGKASA Negeri Kedah dengan Kerjasama Koperasi Kariah Masjid Ambangan Heights Kedah Berhad pada hari ini.

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.